



LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN

NOTIS PELAWAAN SEBUT HARGA

LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN (TDA), ingin mempelawa syarikat-syarikat tempatan yang mempunyai pengalaman dan kemahiran yang bersesuaian untuk mengemukakan tawaran bagi menjalankan kerja-kerja berikut:

NO. SEBUT HARGA	BUTIR-BUTIR PELAWAAN	KOD BIDANG	HARGA DOKUMEN	TARIKH MULA IKLAN	TARIKH TAKLIMAT & LAWATAN TAPAK	TARIKH PEMBELIAN DOKUMEN	TARIKH TUTUP IKLAN
TDA/SH/9/2024	Menaiktaraf Denai Dari Kg. Air Batang Ke Kampung Salang Serta Kerja-kerja Yang Berkaitan.	Perakuan CIDB (SPKK, PPK & STB), GRED G2 (BUMIPUTERA)	RM 20.00	05 OGOS 2024 (ISNIN) (Selepas jam 12.00 tengah hari)	12 OGOS 2024 (ISNIN) (Jam 03.00 petang bertempat di Bilik Mesyuarat, Pejabat Lembaga Pembangunan Tioman, Kg. Tekek, Pulau Tioman)	13 OGOS 2024 (SELASA) Hingga 20 OGOS 2024 (SELASA)	20 OGOS 2024 (SELASA) (Sebelum jam 12.00 tengah hari)
TDA/SH/10/2024	Naik Taraf Gelanggang Sukan Di Pulau Tioman, Rompin, Pahang.	PENGKHUSUSAN: CE21 ATAU CE11 TAMBAHAN: B06	RM 20.00				
TDA/SH/11/2024	Menaiktaraf Lanskap Kawasan Awam Kampung Tekek, Pulau Tioman.	Perakuan CIDB (SPKK, PPK & STB), GRED G1 (BUMIPUTERA) PENGKHUSUSAN: CE21 ATAU CE13 TAMBAHAN: B09	RM 20.00				

1. Pelawaan ini adalah terbuka kepada Kontraktor Gred G1 dan Gred G2, kelas (Pengkhususan CE21, CE11 atau CE13 dan tambahan B06 dan B09) / Syarikat / Entiti Perniagaan Bumiputera yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam Kategori, Pengkhususan atau Kod Bidang yang berkaitan.
2. Taklimat dan lawatan tapak adalah **DIWAJIBKAN**. **Pemilik syarikat atau wakil syarikat yang sah** iaitu penama-penama yang berdaftar didalam Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Sijil Taraf Bumiputera (STB) sahaja **DIWAJIBKAN** hadir ke taklimat dan lawatan tapak ini. **SURAT WAKIL** adalah diperlukan dan setiap wakil syarikat hanya sah untuk mewakili **SATU (1)** syarikat sahaja. Kontraktor perlulah **mendaftar kehadiran** terlebih dahulu dengan Lembaga Pembangunan Tioman pada hari taklimat dan lawatan tapak dijalankan. Sila bawa sijil-sijil syarikat yang berdaftar semasa menghadiri taklimat dan lawatan tapak. Sila **datang awal** sebelum masa taklimat dan lawatan tapak dimulakan.
3. Dokumen sebut harga hanya akan dikeluarkan kepada pemilik syarikat atau wakil syarikat yang sah dan yang telah hadir ke sesi taklimat dan lawatan tapak sahaja. Kontraktor yang ingin memasuki sebut harga di atas boleh membuat pembayaran secara *Electronic Fund Transfer* (EFT) ke dalam akaun Lembaga atau pembayaran secara *paywave* semasa pembelian dokumen sebut harga.
4. Dokumen sebut harga yang telah lengkap dan ditandatangani hendaklah dimasukkan ke dalam **sampul surat berlakri** dan bertanda dengan jelas di penjuru atas sebelah kiri **nombor sebut harga** dan **tajuk sebut harga** tanpa apa-apa pengenalan di luarnya. Sampul surat tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang telah ditetapkan mengikut jadual di atas pada **20 OGOS 2024 (SELASA) sebelum jam 12.00 tengah hari** di alamat berikut:

LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN
No. 1, Jalan Besar Tanjung Gemok 1, Telok Gading,
26820 Kuala Rompin, Pahang Darul Makmur.

5. Pihak **Lembaga Pembangunan Tioman** tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau mengemukakan sebab-sebab tawaran tersebut ditolak dan juga tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kos perbelanjaan berhubung dengan sebut harga ini.

Sekian dimaklumkan. Terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' HAJJ DEROS BIN YAHYA, DIMP., AMP.)

Pengurus Besar

Lembaga Pembangunan Tioman